

Manuscript Submitted	21.4.2021
Accepted	28.5.2021
Published	30.6.2021

## Kajian Rintis Emosi Dan Penerimaan Pelajar Sekolah Menengah Selangor dan Wilayah Persekutuan Belajar Secara Atas Talian Ketika PKP 2020

Rafiza Binti Kasbun, Nur Kaliza Binti Khalid & Ahmad Syukri Bin Adnan

Fakulti Sains & Teknologi Maklumat  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

[rafiza@kuis.edu.my](mailto:rafiza@kuis.edu.my)

[nurkaliza@kuis.edu.my](mailto:nurkaliza@kuis.edu.my)

[ahmadsyukri@kuis.edu.my](mailto:ahmadsyukri@kuis.edu.my)

### Abstract

*In the current revolution of the digital era, the field of education is not left behind in undergoing a transformation towards andragogy and pedagogy digitally. In line with the Movement Control Order (MCO) implemented by the Malaysian government to curb the spread of the COVID-19 epidemic, online learning methods are a necessity. All educational institutions, whether higher or lower level of education in Malaysia, have no other choice but to use virtual teaching and learning methods to ensure that the teaching syllabus can be delivered as well as possible so that learning sessions are not delayed. Yet, the extent to which school students accept these new norms in learning sessions is in terms of their emotional readiness. This became the objective of this study. The scope of the study is among secondary school students only around the Kuala Lumpur and Selangor because in this area the Internet network is more stable as this research not focusing on technical issues. Teenagers are the age group that is most critical of their emotional levels towards life. Questionnaires were distributed online to approximately one hundred plus students. The findings of the study found that in general, these students still expect eagerly to go to school as usual. Online learning causes them to be less understanding and difficult to focus while online. This is because they are more excited to do other things like play online games, watch television, the house environment like distraction from family members and online games. In conclusion, although the study group consists of students who are in the city, which not related to the technical problems, but they still face problems in facing the new norms in online learning. Which this is due to disruption to their emotions and mental resilience.*

**Keywords:** Online learning, new norm, emotion, focus.

### Abstrak

Di era digital revolusi terkini, bidang pendidikan tidak ketinggalan dalam mengalami transformasi ke arah andragogi dan pedagogi secara digital. Seiring dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia bagi membendung penularan wabak COVID-19, kaedah pembelajaran atas talian merupakan suatu keperluan. Semua institusi pendidikan samada pengajian tinggi mahupun pendidikan sekolah-sekolah di Malaysia tiada pilihan lain dengan terpaksa menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara maya bagi memastikan silibus pengajaran dapat disampaikan dengan sebaik mungkin supaya sesi pembelajaran tidak ditangguhkan. Namun, sejauh mana penerimaan pelajar-pelajar sekolah menerima norma baharu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran ini dari segi kesediaan emosi mereka. Ini menjadi objektif kajian ini. Skop kajian adalah dikalangan pelajar sekolah menengah sahaja di sekitar Wilayah Persekutuan dan Selangor atas sebab di kawasan ini rangkaian Internet lebih stabil. Remaja adalah golongan kalangan usia yang paling kritikal tahap emosi mereka terhadap kehidupan. Soal selidik diedarkan secara atas talian kepada lebih kurang

seratus lebih pelajar. Dapatan kajian mendapati secara amnya, pelajar-pelajar ini masih mengharapkan bersekolah seperti biasa. Pembelajaran atas talian menyebabkan mereka kurang faham dan susah untuk memberi tumpuan sepenuhnya pada pembelajaran. Ini kerana mereka lebih teruja untuk membuat perkara lain seperti bermain permainan atas talian, menonton televisyen, dan lain-lain. Kesimpulannya, walaupun kumpulan kajian terdiri daripada pelajar yang berada di bandar namun mereka masih tetap menghadapi masalah dalam menghadapi norma baharu dalam pembelajaran atas talian. Ia bukan sahaja berkaitan dengan masalah teknikal dan penerimaan pelajar-pelajar menghadapi isu-isu sepanjang pembelajaran atas talian tersebut tetapi juga disebabkan gangguan pada emosi dan keteguhan jiwa mereka.

**Kata kunci:** *Pembelajaran dan pembelajaran atas talian, norma baharu, emosi, tumpuan.*

## 1. Pengenalan

Ketika para remaja di Malaysia perlu berhadapan dengan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac 2020 disebabkan oleh pandemik COVID-19, banyak aktiviti sekolah dan acara-acara kegemaran mereka perlu dibatalkan. Ini membatasi banyak aktiviti kegemaran mereka, termasuk pesta, sukan, dan masa yang dihabiskan secara langsung dengan rakan-rakan. Tidak hairanlah ramai remaja merasa tertekan, marah dan bosan sepanjang tempoh ini. Tindak balas seperti ini adalah normal, menurut pakar kanak-kanak Pusat Kanak-kanak Johns Hopkins, Nilu Rahman.

Kehidupan masyarakat berubah ketika PKP malah ada remaja yang rasa terpenjara di kediaman sendiri. Melalui empat fasa PKP, keadaan ini boleh memberi kesan kepada emosi dan tingkah laku jika tidak diurus dengan baik. Perunding Psikiatri Sunway Medical Centre Velocity, Dr Lim Wai Jenn berkata, setiap perubahan yang berlaku dalam kehidupan boleh memberi tekanan hingga menyebabkan individu mengalami kebimbangan dan kemurungan.

Menurutnya, adalah perkara biasa individu mengalami gangguan ketidakstabilan emosi atau kerisauan dan kebimbangan yang sederhana dalam kehidupan harian pada fasa norma baharu. Remaja dan kanak-kanak turut tidak terkecuali terkesan dengan penularan Covid-19 dan PKP. Sistem pembelajaran dan pergaulan dengan rakan-rakan telah terganggu. Pembelajaran pula hanya tertumpu pada skrin computer dan telefon pintar. Pergaulan dan ramah mesra serta gelak tawa rakan-rakan telah terbatas. Remaja dan kanak-kanak ini merasa 'lemas'.

Sepanjang tempoh pelaksanaan PKP ini, nyata terdapat perubahan besar dalam rutin remaja dan kanak-kanak yang kebiasaannya bermain dan belajar di sekolah bersama-sama rakan-rakan. Pakar Perunding Psikiatri Universiti Malaya, Dr Muhsin berkata psikologi kanak-kanak yang tiada alasan untuk keluar daripada rumah nyata terkesan dan impak tersebut adalah lebih lebih tinggi berbanding orang dewasa. "Kanak-kanak lebih terkesan dengan PKP kerana mereka masih membesar terutamanya yang berada di sekolah rendah dan awal sekolah menengah.

Kajian ini tertumpu kepada emosi dan perasaan para remaja sekolah menengah di sekitar Wilayah Persekutuan dan Selangor sahaja. Ini kerana capaian Internet dua kawasan ini adalah yang paling stabil (OpenSignal Amanz 2020) bagi mengelakkan sebarang kekeliruan data. Seramai 209 orang responden telah menjawab soal-selidik yang diedarkan secara atas talian sepanjang tempoh PKPP iaitu bermula pertengahan Julai sehingga awal Ogos 2020. Kajian tertumpu kepada tahap kesediaan dan emosi pelajar sekolah menengah terhadap pembelajaran atas talian sepanjang tempoh PKP hingga PKPP.

## 2. Kajian Kesusasteraan

Apabila berhadapan dengan peringkat umur berbeza dikalangan anak-anak, maka pendekatan dan modus operandi ibu bapa dan guru perlu juga turut berubah bersesuaian dengan keperluan mengikut perkembangan usia remaja dan kanak-kanak tersebut. Ibu bapa perlu menjelaskan kepada anak-anak

mereka keadaan khas yang mereka semua sedang alami, sehingga mereka dapat mengatasi keadaan dengan lebih baik. Cara ibu bapa mendidik anak-anak mereka mengenai pandemik Covid-19 haruslah berbeza mengikut kumpulan umur kanak-kanak prasekolah, sekolah rendah dan menengah.

Penutupan sekolah memberi kesan buruk kepada kehidupan banyak kanak-kanak terutama di sebabkan pembatalan banyak aktiviti mereka. Remaja dan kanak-kanak kecewa kerana 'kehilangan' hubungan sosial mereka bersama kawan-kawan dan saudara mara. Dalam konteks kehidupan remaja, ini boleh menjadi kerugian yang amat besar bagi mereka. Ini adalah saat yang sangat berguna untuk perkembangan emosi dan ketahanan mereka untuk mengenali karakter dan emosi remaja. Ketika remaja ini juga, anak-anak penuh dengan daya pemikiran yang kritis dan tenaga pergerakan fizikal yang maksima. Namun, ianya tidak dapat disalurkan pada keadaan yang bersesuaian. Kita boleh memilih, menyokong dan mengesahkan beberapa emosi yang dialami oleh anak-anak ini pada ketika PKP ini. Sokongan dan tingkahlaku berhemah perlu diusahakan oleh setiap ibubapa dan juga para guru.

### **3. Demografi Dan Kelengkapan Teknikal**

Sebanyak 128 responden telah mengisi boring soal selidik atas talian yang diedarkan. Dari jumlah itu, 63.6% adalah responden dari negeri Selangor manakala 36.4% adalah dari Wilayah Persekutuan. Kajian hanya bertumpu kepada dua negeri ini sahaja kerana factor kemudahan capaian yang baik di dua negeri ini. Ia bagi mengelakkan gangguan masalah kelengkapan terhadap emosi dan kesediaan pelajar atau responden. Kajian juga tertumpu hanya kepada responden yang berada di sekolah menengah kerana pengkaji berpendapat di sekitar usia ini pelajar sedang mengalami proses transformasi dari kanak-kanak ke alam dewasa. Di mana usia ini adalah usia yang paling mencabar dalam fasa kehidupan seseorang individu. Peratusan responden adalah Tingkatan 1 (13.6%), Tingkatan 2 (4.5%), Tingkatan 3 (45.5%), Tingkatan 4 (9.5%), Tingkatan 5 (18.2%) dan Tingkatan 6 (9.1%).

Daripada jumlah pelajar ini didapati 81.8% mempunyai gajet sendiri. Manakala 9.1% hajat ibubapa dan 9.1% gajet berkongsi bersama adik beradik yang lain. 68.2% menggunakan gajet dan capaian Internet secara bergilir-gilir bersama ibubapa dan adik beradik. Manakala 31.8% sememangnya mempunyai akses dan gajet hanya untuk diri sendiri. Manakala 68.2% mempunyai capaian Internet yang mencukupi dan 31.8% tidak mempunyai capaian Internet yang mencukupi. 4.5% daripada responden menyatakan hanya menggunakan capaian Wifi percuma, 50% wifi peribadi (wifi di rumah) manakala 45.5% menggunakan data telefon yang terhad.

### **4. Emosi dan Kesediaan Pelajar**

Kebanyakan kajian dilakukan adalah berkaitan bagaimana peralatan dan kelengkapan teknikal mempengaruhi kesediaan pelajar sekolah untuk meneruskan pembelajaran atas talian. Namun kajian ini fokus kepada kesediaan fizikal dan mental serta emosi pelajar menghadapinya. Bagi bahagian emosi dan kesediaan pelajar membuat peralihan pembelajaran daripada secara bersemuka kepada secara atas talian atau maya, soal selidik terbahagi kepada dua bahagian pengukuran iaitu dari sudut positif dan sudut negatif semasa mereka menjalani proses peralihan ke norma baharu ini. Namun penyelidik akan membentangkan ia secara bahagian demi bahagian.


Pembelajaran atas talian memerlukan disiplin pelajar yang tinggi (Astro Awani, November 2020) serta sokongan dan dorongan yang kuat daripada guru dan ibu bapa. Antara faktor yang menyumbang kepada hilang tumpuan murid ialah persekitaran di rumah yang tidak sesuai untuk pembelajaran, bahan pembelajaran tidak menarik, masalah capaian internet, tarikan hiburan dan pengisian lain yang ada di Internet, kegagalan peralatan teknologi yang digunakan, penjadualan tidak sesuai, kurang sokongan ibu bapa dan murid yang lemah dalam mata pelajaran. (Berita Harian 27 Oktober 2020) Pembelajaran atas talian juga hanya dapat dilaksanakan dengan baik pada golongan tertentu sahaja seperti mereka yang duduk di bandar dan kawasan urban berbanding mereka yang duduk di pedalaman dan kawasan terpencil. Hal ini membawa kepada ketidakseimbangan dan ketidakcapaian pembelajaran atas talian secara menyeluruh kepada semua pelajar di sekolah.

Bagi faktor dalaman dan jati diri pelajar itu sendiri pula, terdapat beberapa faktor dan tindakan yang mempengaruhi komitmen mereka terhadap pembelajaran atas talian ini. Antaranya ialah mereka merasakan ianya tidak interaktif dan berlaku pengasingan diri antara pelajar dan cikgu. Dalam erti kata lain berlaku ‘social isolation’ dalam pembelajaran atas talian. Mereka merasakan cikgu tidak berminat untuk ambil tahu samada pelajar faham atau tidak, malahan hadir atau pun tidak ke dalam kelas tersebut.


Pengurusan masa dan motivasi diri yang tinggi perlu ada untuk menjayakan pembelajaran atas talian. Anak-anak remaja masih berada di peringkat ‘sedang belajar menguruskan masa diri sendiri’. Hal ini menyebabkan mereka culas atau terbabas dalam menepati masa bagi sesuatu perkara. Selain itu, pelajar merasakan mereka perlu lebih masa, tenaga dan usaha untuk memberi maklumbalas, menjejaki kawan-kawan, dan menilai sesuatu kerja samada secara individu mahupun berkumpulan. Ini menyebabkan mereka lesu dan letih iaitu ‘burnt out’ untuk meneruskan pembelajaran atas talian.

### 5. Dapatan Kajian

Carta 1 di bawah menunjukkan keterujaan responden apabila pengumuman sekolah ditutup dan pembelajaran secara atas talian perlu dilaksanakan. Pada awal PKP responden sangat gembira (iaitu skala 5) dan teruja untuk belajar secara atas talian namun pada pertengahan dan akhir PKP pelajar semakin tidak gembira dan tidak teruja lagi untuk belajar atas talian kerana faktor-faktor yang pelbagai. Antaranya adalah pelajar tidak dapat memberi tumpuan pada kelas kerana gangguan persekitaran dan juga keterbatasan capaian.




Carta 1: Keterujaan Responden P&P Secara Atas Talian



Carta 2: Semangat Responden Hadir Kelas Dan Membuat Tugas

Carta 2 menunjukkan responden kajian rasa bersemangat pada awal pelaksanaan kelas secara atas talian iaitu sebanyak hampir 50%, manakala 28% menyatakan sederhana sahaja. Pada awal PKP juga responden merasa bersemangat menerima tugas dan arahan tugas secara atas talian iaitu 40%. Namun dapat dilihat pada pertengahan dan akhir PKP pelajar mula merasa tidak bersemangat dan hampir hilang semangat iaitu tiada 'mood' lagi untuk meneruskan kelas dan membuat tugas atas talian. Selain itu ada juga responden yang memberi alasan seperti tidak dapat hadir ke kelas waktu pagi kerana susah bangun dari tidur akibat berjaga lewat sehingga larut malam kerana bermain permainan atas talian.


Di sinilah yang dikatakan pelajar mengalami pengasingan iaitu 'social isolation' samada antara cikgu atau sesama pelajar. Ketiadaan interaksi secara fizikal dan emosi ini menyebabkan semangat pelajar makin merudum dengan bertambahnya hari perlu hadir sesi pembelajaran atas talian. Bagi para cikgu pula, kurikulum kursus atau subjek perlu dilakukan bagi menggambarkan bentuk komunikasi dan interaksi antara pelajar. Namun para pelajar tidak merasakan ianya rasional untuk dilakukan secara atas talian. Ini mempengaruhi komitmen mereka.



Carta 3: Emosi Responden Membuat Tugas dan Hadir Kelas Secara Atas Talian

Carta 3 pula menumpukan perhatian kepada emosi responden sepanjang membuat tugas dan hadir ke kelas atas talian. Responden menyatakan mereka sedih jika tidak dapat membuat tugas yang diberi. Namun mereka masih gembira dan berpuas hati dengan tugas yang dihantar kepada cikgu secara atas talian. Namun majoriti menyatakan tidak gembira apabila tidak dapat membuat tugas dengan baik kerana masalah capaian Internet yang terhad dan masalah tertentu. Namun secara amnya responden merasa gembira belajar dan membuat tugas secara atas talian.

Pelajar mungkin merasa cemas untuk terus mengemaskini kerja sekolah mereka. Perasaan pelajar yang lebih fokus pada nilai digital menyebabkan nilai hubungan sesama manusia atau keluarga makin berkurangan dan lebih negatif. Perkara ini perlu diambil perhatian kerana hakikat sebenar ianya sangat tidak sihat untuk perkembangan minda dan mental generasi seterusnya.




Carta 4: Tahap Tumpuan dan Pemahaman Responden Ketika Kelas Atas Talian

Carta 4 pula melihat kepada tahap tumpuan dan pemahaman responden ketika belajar atas talian. Majoriti menyatakan serabut, tidak faham dan sangat tidak faham (iaitu tidak fokus) sepanjang kelas dijalankan atas talian. Antara faktor penyebab responden sukar memberi tumpuan adalah gangguan persekitaran di rumah dan juga masalah teknikal yang berlaku seperti capaian Internet yang tersangkut dan lain-lain. Selain itu ada juga yang menyatakan bahawa mereka hilang tumpuan kerana mengantuk akibat tidak ada interaksi dengan kawan-kawan secara fizikal.

Tahap tumpuan dan pemahaman pelajar ini adalah kesan yang merangkumi bagaimana teknologi tidak selalu berkesan di semua tempat dan suasana. Lebih sukar bagi pelajar untuk memahami konsep yang diajar secara atas talian ini kerana ketiadaan kurikulum yang memerlukan komunikasi atau melakukan demo secara fizikal antara pelajar dan cikgu.


Saya merasa tidak sabar untuk kelas tamat dan tugas selesai apabila belajar atas talian kerana saya boleh melakukan aktiviti lain selepas itu.



Carta 5: Tahap sabar pelajar berada di dalam kelas atas talian

Carta 5 pula memberi gambaran bahawa pelajar masih boleh bersabar (32%) menunggu sehingga kelas atas talian tamat dan menamatkan tugas yang diberi. 27% pula tidak sabar dan sangat menunggu waktu kelas tamat dan tugas selesai. Manakala 23% sangat sabar menunggu kelas sehingga tamat. Antara perkara yang mereka ternanti-nantikan adalah untuk bermain permainan atas talian dan makan sejurus kelas tamat. Selain itu ada yang menyatakan hasrat untuk tidur dan menonton televisyen.

Bagi isu tarikan hiburan dan pengisian lain yang ada di Internet pula, ia semestinya faktor yang paling memberi kesan terhadap komitmen pelajar untuk hadir atau berdisiplin dalam kelas atas talian. Apakah cara untuk mengelak atau menyekat pelajar-pelajar ini dari terdorong untuk melihat media sosial dan lain-lain? Lagi sekali ia melibatkan motivasi dan disiplin pelajar itu sendiri. Faktor ini agak mencabar untuk diketepikan terutama dikalangan pelajar kerana generasi mereka ini memang merupakan 'generasi skrin'.



Carta 6: Emosi responden apabila kelas tamat atau tergendala

Namun pada carta 6 didapati, responden berasa sangat gembira (28%) dan lega apabila kelas atas talian tamat atau tergendala disebabkan masalah teknikal dan lain-lain. Hanya 9% sahaja yang berasa sangat tidak gembira jika kelas tiada kerana merasakan tiada sebarang input ilmu pada waktu tersebut.

## 6. Kesimpulan

Pandemik Covid-19 yang belum pernah terjadi sebelum ini telah menimbulkan kegelisahan dan keresahan dikalangan pelajar sekola. Ini kerana gangguan berlaku dalam sistem persekolahan mereka. COVID-19 telah mempengaruhi keperluan manusia iaitu perlu untuk menyesuaikan diri dengan kadar yang cepat dan ini mungkin sangat membebankan pelajar. Tingkah laku pelajar dipaksa menjadi 'mekanikal' sedangkan fitrahnya tidak begitu. Pembelajaran dalam talian menyebabkan 'kepegunan' iaitu 'stagnation', kurang mobiliti, kurang interaksi manusia, kurang perhatian emosi dan ini mengakibatkan gangguan pada sistem badan manusia khususnya remaja yang sedang penuh dengan tenaga dan idea fikiran yang aktif.

Hasil dari kajian ini mendapati bahawa pelajar sekolah samada sekolah rendah atau menengah masih perlu menghadiri pembelajaran fizikal secara rasmi di sekolah. Ini kerana pembelajaran di rumah dikalangan pelajar didapati kurang konsisten, kurang tumpuan dan kurang komitmen. Banyak gangguan iaitu 'distraction' lain yang mengalih perhatian pelajar ketika sesi pembelajaran di rumah. Tidak keterlaluan untuk menyatakan bahawa dari kajian ini pembelajaran atas talian masih belum sesuai sepenuhnya untuk pelajar sekolah menengah terutamanya di Malaysia.

## Rujukan

Bernama (April, 2020). Cabaran Mengajar Atas Talian. <https://www.sinarharian.com.my/article/76874/BERITA/Nasional/Cabaran-mengajar-dalam-talian>

Angeline Yeoh (April 2020). MCO: As lessons move online, locals teachers and students struggle with uneven Internet access. <https://www.thestar.com.my/tech/tech-news/2020/04/27/mco-as-lessons-move-online-local-teachers-and-students-struggle-with-uneven-internet-access>

Anne Dorall (July 2020). 1/3 Students Could Not Participate In Online Class During MCO. <https://www.therakyatpost.com/2020/07/16/1-3-students-could-not-participate-in-online-classes-during-mco/>

Ahmad A. K., Norhunaini M., Liyana T., Muna S. & Syahrul N. (January 2020). Transitioning To Online Learning During Covid-19 Pandemic: Case Study Of A Pre-University Centre In Malaysia; <https://www.researchgate.net/publication/342650394>

Nik Daliyana N. F. (April 2020). MCO: Studying at home. <https://www.nst.com.my/lifestyle/heal/2020/04/580095/mco-studying-home>

Ming T., (Sept 2020). Who can children call when in distress?. <https://www.thestar.com.my/lifestyle/family/2020/09/24/who-can-children-call-when-in-distress>

Melanie C., (October 2020). NGOs in Malaysia reveal the impact of Covid-19 on children mental health. <https://www.malaymail.com/news/life/2020/10/01/ngos-in-malaysia-reveal-the-impact-of-covid-19-on-childrens-mental-health/1908361>

Su Lin. (April 2020). MCO and mental health. <https://sciencemediacentremalaysia.com/qa/2020/04/qa-rmo-and-mental-health/>

CodeBlue (April 2020). Managing Behavioural Health During Covid 19 and MCO. <https://codeblue.galencentre.org/2020/04/08/managing-behavioural-health-during-covid-19-and-mco-dr-lim-wai-jenn/>

WHO. (March 2020). Mental health and psychological resilience during the COVID-19 pandemic. <https://www.euro.who.int/en/health-topics/health-emergencies/coronavirus-covid-19/news/news/2020/3/mental-health-and-psychological-resilience-during-the-covid-19-pandemic#:~:text=Children%20are%20likely%20to%20be>,

Kesihatan. (Jun 2020). Menginap di Rumah Semasa Covid-19: Cara membantu Remaja Mengatasi. <https://ms.cc-inc.org/staying-home-during-covid19-help-teens-cope-178>

Kesihatan Malaysia. (May 2020). Mengurus Emosi, Mental Ketika PKP. <https://www.kesihatanmalaysian.com/mengurus-emosi-mental-ketika-pkp/>

Nazrin, (Disember 2020). Purata Kelajuan Internet 4G Malaysia. <https://amanz.my/2020263115/>

Astro Awani. (November 2020). Pelajar Perlu Disiplin Kendiri Bagi Pembelajaran Atas Talian. <https://www.astroawani.com/video-malaysia/pelajar-perlu-disiplin-kendiri-bagi-pembelajaran-dalam-talian-1876515>

Mahani, I. (Oktober 2020). Pdp Dalam Talian Perlu Diperkasa. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/746837/pdp-dalam-talian-perlu-diperkasa>